

Pengeluaran bon boleh jadi salah satu sumber — PM

UM 18 MAY 2002

BANGI 17 Mei — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin pengeluaran bon boleh menjadi salah satu sumber bukan tradisi untuk membiayai pembinaan infrastruktur komunikasi di kalangan negara membangun.

Menurut beliau, ini kerana pembiayaan untuk rangkaian kemudahan komunikasi merupakan masalah utama dalam banyak pasaran khususnya membabitkan negara membangun.

Dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada majlis makan malam sempena Hari Telekomunikasi Dunia (WTD) di Maya Village, Hotel Equatorial di sini, malam ini, Perdana Menteri berkata:

"Model seumpama ini (pengeluaran bon) boleh diperluaskan untuk infrastruktur komunikasi di kawasan pedalaman supaya mampu memenuhi kehendak perkhidmatan komunikasi sejagat.

"Kita jangan lupa banyak bandar yang hari ini yang sibuk dengan aktiviti komersial pernah menjadi bandar mati sebelum ia dilengkapi kemudahan asas yang menghubungkannya dengan lain-lain bahagian dalam negara," katanya.

Tema WTD tahun ini ialah "Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) Untuk Semua: Memperkasakan Rakyat Untuk Mengatasi Jurang Digital."

Menurut Dr. Mahathir, beliau sebenarnya kesal kerana ketika penduduk dunia mendesak supaya

diberi hak untuk mengakses komunikasi, ada saja alasan pihak tertentu bahawa kononnya tidak mampu membiayai keperluan tersebut.

Malangnya, tegas Perdana Menteri, berbilion duit digunakan untuk membangunkan peralatan komunikasi moden untuk berperang dan membunuh orang yang tidak berdosa.

"Tetapi kita tidak mempunyai wang melengkapkan kemudahan komunikasi untuk rakyat miskin di seluruh dunia.

"Berjuta-juta wang dibelanjakan untuk senjata tetapi tiada bantuan kewangan untuk mendirikan kemudahan asas komunikasi ini. Mana kita punya keutamaan?" soalnya.

Dalam hubungan ini, katanya, pemaju hartanah di negara membangun boleh digalakkan membina kemudahan infrastruktur komunikasi ini dengan menjadikannya sebagai keperluan dalam lingkungan projek mereka.

Katanya, mereka perlu mengangap penyediaan kemudahan itu sebagai kos pembangunan dan pemasaran kerana ia boleh membantu meningkatkan perniagaan serta menjadikan hartanah lebih berdaya maju untuk pembeli yang berpotensi.

Menurut beliau, realitinya masalah yang dihadapi oleh negara membangun itu kelak akan menyebabkan masalah besar mengurangkan jurang digital.

"Kami di Malaysia mahu ICT untuk semua. Kami mahu ICT untuk memperkasakan rakyat mengatasi jurang digital," katanya.

Sempena majlis itu, Abdullah turut melancarkan WTD untuk Malaysia dengan persembahan simbolik penerimaan warkah perutusan Dr. Mahathir oleh 'pahlawan-pahlawan berkuda'.

Pembacaan teks Perdana Menteri disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM). Penerimaan warkah perutusan Dr. Mahathir secara simbolik turut disi-

arkan secara tele persidangan antara Maya Village dan Dataran Lang, Langkawi; Padang Merdeka, Kota Kinabalu dan Water Front, Kuching.